



4 Januari 2020 (Sabtu)

Matrix Concepts Foundation rai penghuni Rumah Sejahtera Sikamat

Tarikh kemaskini: 04/01/2020



SEREMBAN, 4 Jan -- Seramai 16 orang warga emas yang menghuni Rumah Sejahtera Sikamat di sini menerima kunjungan Matrix Concepts Foundation menjelang sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Rombongan itu yang diketuai oleh Datin Yong Chou Lian iaitu isteri kepada Timbalan Pengerusi Eksekutif Matrix Concepts Holdings Bhd Datuk Lee Tian Hock, dan Pengerusi Matrix Concepts Foundation, Datuk K.N. Logendran menyampaikan sumbangan 'Ang Pow' dan barangan keperluan kepada warga emas berkenaan.

Yong berkata lawatan amal itu diadakan setiap tahun di Rumah Sejahtera Sikamat menjelang sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.

"Kunjungan ini amat penting dan bermakna bagi memberi kesedaran kepada kita agar jangan lupa golongan yang memerlukan perhatian dan membawa keceriaan kepada mereka menjelang sambutan Tahun Baharu Cina," katanya kepada pemberita selepas kunjungan itu. Turut hadir ialah pengerusi Rumah Sejahtera Sikamat Gan Chee Blow.

Sementara itu, Logendran pula berkata Matrix Concepts Foundation memperuntukkan RM10,000 untuk program itu dan ini merupakan tanggungjawab sosial korporat Matrix," katanya.

Selain jamuan tengah hari, penghuni Rumah Sejahtera Sikamat turut dihiburkan dengan persembahan tarian kipas, tarian singa dan lagu-lagu dari kumpulan harmonika.

— BERNAMA